

Headline	FRIM anjur simposium terokai potensi buluh 27 September		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	158 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,123
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,368



## FRIM anjur simposium terokai potensi buluh 27 September

**KUALA LUMPUR 14 Sept.** - Kesedaran rendah tentang potensi buluh sebagai sumber alternatif kepada kayu getah dalam kalangan pengusaha industri tempatan telah mendorong Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menganjurkan Simposium Buluh ASEAN 2016 (ABS2016) selama tiga hari bermula 27 September ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM, Dr. Rahim Sudin, penggunaan buluh di Malaysia masih rendah, sedangkan komoditi tersebut mudah didapati, mempunyai jangka hayat matang yang cepat iaitu antara dua hingga tiga tahun dan memiliki ketahanan sama seperti kayu-kayu lain.

"Kita ketika ini begitu bergantung kepada kayu getah untuk

tujuan menghasilkan perabot dan dalam industri pembinaan, sehingga menyebabkan bekalan untuknya semakin berkurangan. Kami mahu ubah trend ini dengan memperkenalkan buluh sebagai sumber alternatif.

"Terdapat 120 spesies buluh di negara ini dan kita perlu maksimumkan penggunaannya terutamanya dalam industri perabot. Tahun lalu, perabot getah yang dieksport mencecah nilai RM6 bilion dan saya tidak nampak mengapa buluh tidak boleh dikomersialkan," katanya dalam sidang akhbar, di sini hari ini.

Menurut Rahim, simposium yang disertai 200 peserta dari semua negara Asia Tenggara serta Belanda, China dan Kanada itu akan membentangkan 30 kertas kerja berkaitan buluh daripada aspek isu terkini, hasil peyeli-

idikan dan inovasi baharu untuk diketengahkan.

Katanya, pelbagai hasil penyelidikan serta produk berasaskan buluh akan dipamerkan dalam ABS2016 yang bertemakan 'Kelestarian dan Kemajuan Dalam

Penggunaan Buluh' itu oleh 15 syarikat tempatan dan dua syarikat Indonesia.

Menurut beliau, simposium berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara, Pusat Sumber Teknologi Perabot (FITEC), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (Pusaka) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

"Pengusaha industri buluh serta usahawan tempatan yang berminat menerokai bidang perladangan dan pembuatan produk berasaskan buluh tidak sepatutnya melepaskan peluang menyertai simposium ini. Untuk maklumat lanjut layari laman web <http://abs2016.uitm.edu.my/>," katanya.



DR. RAHIM SUDIN